PROJEK SOAR 3.0

Supporting Orang Asli's Rising













24 - 28 Julai 2026

Isi Kandungan

03 Butiran Program

04 Ahli Sukarelawan

06 Laporan Harian

11 Impak Program

12 Laporan Kewangan

14 Kalam Pengarah

TEMA

"Deeds That Endure", menggabungkan tiga teras utama: khidmat masyarakat melalui pembersihan dan agihan bantuan, kesukarelawanan melalui penglibatan aktif bersama komuniti, dan pendidikan melalui pelbagai slot ilmu dan sesi motivasi akademik bagi pelajar Orang Asli

5 HARI

24 - 28 Julai 2026

LEBIH DARIPADA RM9.2K

berjaya dikumpul

11 ON-SITE
5 OFF-SITE

sukarelawan merupakan pelajar Malaysia luar negara

2 LOKASI SANTUNAN

1 sekolah menengah dan 1 surau

2 PERKAMPUNGAN

di Perak

berjaya disantuni



Sukarelawan Projek SOAR 3.0



Timb. Pengarah

ALEESA
Cardiff University



Pengarah

FAHIM
University of Sheffield



Setiausaha

AIMAN
University of Manchester

e



Biro Aktiviti

ANIS
Cardiff University



Biro Aktiviti

ALI
University of Sheffield



Biro Aktiviti

DANISH
University of Sheffield



Biro Logistik

IZZAH
University of Warwick



Biro Logistik

NIK
University of Sheffield



Biro Logistik

AFIF
Imperial College London



Biro Media

FATIN

Cardiff University



Biro Media

FADLAN

University of Sheffield



Biro Media

DANIEL

University of Sheffield



Biro Fundraising

NABILAH

University of Southampton



Biro Fundraising

HUSNINA

University of Southampton



Biro Fundraising

HAFIZAH

University of Southampton



Biro Tugasan Khas

MUAZ

University of Southampton







Laporan Harian

Perkara 1: Ketibaan dan Persediaan Sukarelawan di Sungai Siput, Perak

2 PM: Sukarelawan Berkumpul Dan Menyediakan Barangan Untuk Program

Setibanya di Sungai Siput, Perak, para ikhwah melakukan pemeriksaan akhir terhadap barang-barang yang diperlukan untuk program. Setiap barangan diperiksa bagi memastikan semuanya mencukupi dan berada dalam keadaan baik. Barang-barang kemudiannya disusun dan disediakan mengikut keperluan aktiviti yang akan dijalankan pada keesokan harinya. Pemeriksaan ini dilakukan bagi memastikan persiapan program berjalan dengan lancar.

9 PM: Sesi Taklimat

Encik Hassriq Hafize bin Abdul Halim Hafiz, wakil dari Yayasan Ikhlas, menyampaikan taklimat ringkas kepada ahli sukarelawan bagi memastikan semua ahli memahami perancangan perjalanan projek. Fahim Hafizin bin Baderul Hisam, Pengarah Projek SOAR 3.0, turut membentangkan perkara berkaitan jadual, pembahagian tugas dan persediaan yang diperlukan kepada para sukarelawan. Taklimat ini juga menjadi sesi persediaan terakhir bagi memastikan semua sukarelawan bersedia untuk melaksanakan tugasan yang telah ditetapkan pada hari berikutnya.

Laporan Harian

Perkara 2: Perjalanan ke Pos Kuala Mu dan Aktiviti Komuniti

9 AM: Bertolak ke Pos Kuala Mu

Projek SOAR 3.0 memulakan perjalanan ke Pos Kuala Mu, disertai oleh 11 orang ahli sukarelawan dan diiringi oleh Encik Hassriq. Setibanya di Pos Kuala Mu, para sukarelawan menziarahi Tok Batin Saidin di Pos Kuala Mu dan Tok Batin Hadu di Madrasah Darul Salam. Kedua-dua Tok Batin turut berkongsi pelbagai nasihat dan pengalaman yang bermanfaat, sekali gus menyemarakkan lagi semangat para sukarelawan untuk menjalankan aktiviti sepanjang projek.

8 PM: Aktiviti Sirah Interaktif

Pada sebelah malam pula, aktiviti Sirah Interaktif dikendalikan oleh Akhi Ali. Aktiviti dimulakan dengan tayangan video yang berkaitan dengan sirah Nabi Muhammad SAW dan Nabi Nuh.

Selepas tayangan, para sukarelawan duduk bersama anak-anak Orang Asli untuk berbincang dan berkongsi pandangan mengenai pengajaran serta iktibar yang boleh diambil daripada tayangan tersebut.





12 PM: Bergotong-royong di Surau

Aktiviti pertama dimulakan dengan gotong-royong di Surau Al-Karimi. Para sukarelawan bekerjasama membersihkan kawasan surau termasuk longkang, tandas, lantai dan beberapa kawasan lain.





2 PM: Sesi Mewarna Dan Menyediakan Makanan Tradisional

Pada sebelah petang, aktiviti diteruskan dengan sesi mewarna bersama anak-anak Orang Asli yang dikendalikan oleh Ukhti Anis, diikuti dengan agihan cenderamata kepada mereka. Para sukarelawan juga berpeluang merasai pengalaman menyediakan makanan tradisional bersama penduduk Orang Asli, iaitu nasi dalam buluh dan ayam dalam buluh.







Laporan Harian

Perkara 3: Sukaneka dan Agihan Bantuan di Pos Kuala Mu



8 AM: Sesi Sukaneka Bersama Kanak-kanak Dan Ibu-ibu Pos Kuala Mu

Sesi sukaneka bersama kanak-kanak dan ibu-ibu Pos Kuala Mu telah diketuai oleh Saudara Danish. Bagi kategori kanak-kanak, aktiviti dijalankan dalam bentuk explorace yang terdiri daripada enam stesen, iaitu Lari Guna Terompah Kelapa, Isi Air dalam Botol, Cari Jellybeans dalam Tepung, Cup Tower, Lompat Teng-Teng dan Sarung Kasih.



Sesi kemudiannya diteruskan dengan kategori para ibu. Tiga aktiviti telah dijalankan, iaitu Alih Hanger Menggunakan Tali, Belon Kereta Api dan Alih Tepung Menggunakan Pinggan. Para sukarelawan turut memberikan demonstrasi bagi setiap aktiviti bagi memastikan arahan dan cara permainan dapat difahami dengan jelas.

Sesi sukaneka berakhir sekitar jam 11.30 pagi dan diteruskan dengan penyampaian makanan serta hadiah kepada kanak-kanak dan para ibu sebagai tanda penghargaan atas penyertaan dan semangat yang ditunjukkan sepanjang aktiviti.



2 PM: Pengagihan Bantuan Makanan

Majlis penutup telah diadakan di balai yang terletak berhampiran surau. Majlis dimulakan dengan pengumpulan penduduk kampung. Saudara Ali selaku pengacara majlis kemudiannya menjemput Encik Hassriq untuk menyampaikan ucapan, diikuti dengan ucapan daripada Saudara Fahim selaku Pengarah Projek dan Tok Batin.

Seterusnya, cenderahati telah disampaikan kepada Tok Batin sebagai tanda penghargaan atas kerjasama dan sambutan yang diberikan sepanjang program. Majlis penutup diakhiri dengan sesi fotografi bersama para sukarelawan dan penduduk kampung.

Setelah majlis selesai, sesi pengagihan bantuan makanan telah dimulakan. Bantuan makanan diagihkan kepada penduduk berdasarkan senarai nama penerima yang telah disediakan terlebih dahulu. Beberapa orang sukarelawan turut bergerak ke beberapa buah rumah bagi menyampaikan bantuan makanan kepada penerima yang belum menerima bantuan secara terus di balai.



9 PM: Sesi Refleksi

Para sukarelawan telah menjalani sesi refleksi dan muhasabah bersama Encik Hassriq dan Encik Firdaus.

Perkara 4: Sesi Pendidikan dan Perkongsian, dan Ilmu Alam

Laporan Harian

8 AM: Bertolak Ke Kampung D'Kenang

Para sukarelawan bersiap untuk ke Kampung D'Kenang sewaktu kanak-kanak Pos Kuala Mu sedang bergerak ke sekolah. Setelah sesi bergambar dan bersalaman, para sukarelawan bertolak.





11 AM: Sesi Perkongsian Bersama SMAOA Nurul Hidayah

Walaupun menghadapi sedikit masalah di jalan raya, para sukarelawan tiba di Sekolah Menengah Agama Orang Asli (SMAOA) Nurul Hidayah dengan penuh semangat untuk menyampaikan ilmu.

Sesi perkongsian mengambil tempat di dewan besar sekolah melibatkan pelajar tingkatan tiga dan empat. Saudara Fahim memulakan sesi perkongsian dengan memperkenalkan skuad sukarelawan dan muqaddimah tentang biasiswa yang ditawarkan di Malaysia. Kemudian, setiap sukarelawan ditempatkan bersama 8-10 pelajar SMAOA untuk membincangkan pengalaman mereka dengan lebih mendalam. Para pelajar memberi sepenuh perhatian dan semangat dalam sesi perbincangan dan soal tanya. Sebuah vlog perjalanan seorang pelajar daripada tamatnya SPM hingga pengajian beliau di United Kingdom ditayangkan bagi memastikan sesi lebih menarik dan interaktif.

Setelah sesi perkongsian tamat, para sukarelawan menyantuni pelajar-pelajar di setiap kelas untuk mengagihkan bantuan alat tulis. Untuk program masa hadapan, proses ini boleh lebih lancar dengan pembungkusan dan pengagihan bantuan sebelum pelajar bersurai dari dewan.

4 PM: Mempelajari Kemahiran Tradisional Orang Asli

Selepas berehat sementara, para sukarelawan berangkat ke rumah Tok Batin, di mana mereka bertanya dan belajar tentang kehidupan Orang Asli di Kampung D'Kenang.



Para sukarelawan mendapat pendedahan praktikal dengan sesi menganyam daun dan menyumpit bersama penduduk kampung. Walaupun pada awalnya sukar, setiap sukarelawan mendapat cenderamata hasil air tangan sendiri dan pengalaman sekali seumur hidup.

8 PM: Perkongsian Ilmu Dan Jamuan

Selepas selesai menunaikan solat Maghrib, para sukarelawan berkumpul di dewan makan untuk menyertai sesi perkongsian bersama Ustaz Wan Malindra Juja, Tokoh Pendakwah Maulidur Rasul Perak. Melalui sesi tersebut, mereka didedahkan kepada sejarah, gaya hidup dan perkembangan Islam dalam masyarakat Orang Asli di Perak dan negeri-negeri lain. Bagi melengkapkan hari yang bermakna, jamuan makan malam barbeku yang disediakan sendiri oleh para sukarelawan dinikmati bersama-sama Ustaz Wan, pihak penyelia, serta tuan rumah daripada komuniti Orang Asli.









Laporan Harian

Perkara 5: Majlis Penutup Keseluruhan dan Agihan Bantuan Makanan

9 AM: Majlis Penutup Dan Agihan Bantuan Makanan

Hari terakhir Projek SOAR 3.0 dimulakan dengan majlis penutupan. Saudara Faheem selaku pengarah projek telah menyampaikan ucapan penghargaan serta menyampaikan cenderahati kepada Tok Batin dan Encik Hassriq, wakil Yayasan Ikhlas, atas bimbingan mereka sepanjang program berlangsung.

Seterusnya, bantuan beras dan kotak makanan diagihkan kepada keluarga-keluarga di Kampung D'Kenang. Sukarelawan turut bergerak ke beberapa buah rumah bagi menyerahkan bantuan secara langsung kepada penduduk yang tidak dapat menghadiri majlis penutupan.

11 AM: Sesi Refleksi Dan Bersurai

Sesi refleksi kemudian diadakan bersama para penyelia untuk menilai gerak kerja sepanjang program serta membincangkan penambahbaikan bagi projek akan datang.

Antara cadangan yang dikemukakan termasuk:

- Menugaskan seorang sukarelawan secara bergilir setiap hari untuk menyantuni serta membina hubungan dengan penduduk Orang Asli sewaktu aktiviti utama dijalankan.
- Menyediakan hamparan data (spreadsheet) komprehensif yang boleh diakses oleh semua sukarelawan bagi memantau dan mengemas kini status aktiviti dan logistik secara langsung.
- Melantik sekurang-kurangnya seorang penyelia wanita untuk membantu dan membimbing sukarelawan wanita.
- Mengutamakan pemilihan sukarelawan yang mampu memberikan komitmen di lokasi (on-site).
- Memasukkan ujian personaliti dalam proses aplikasi agar pembahagian tugas bersesuaian dengan keperibadian sukarelawan.
- Memastikan sekurang-kurangnya seorang sukarelawan Projek SOAR 3.0 menerajui atau terlibat dalam siri seterusnya bagi memastikan kesinambungan gerak kerja.

Program diakhiri dengan sesi fotografi ringkas sebelum semua sukarelawan bertolak pulang ke destinasi masing-masing.

Impak Program

Impak Kepada Komuniti Orang Asli

- Kanak-kanak Kuala Mu yang berusia **6 hingga 9 tahun berjaya mempelajari kisah Nabi Nuh** dan menantikan kelas agama seperti ini pada masa akan datang
- Kanak-kanak dan ibu-ibu Orang Asli menyukai program sukaneka yang dijalankan kerana **berjaya memperkenalkan permainan yang menarik** dan sesuai dengan semua peringkat umur. Cenderahati seperti bekas makanan dan minuman diagihkan kepada semua yang hadir.
- Para pelajar SMAOA Nurul Hidayah mendapat **pendedahan tentang laluan akademik ke universiti** dan pelbagai biasiswa yang ditawarkan.

Impak Kepada Sukarelawan

- **Berjaya meningkatkan semangat dakwah dalam diri** apabila melihat kesungguhan kanak-kanak dan pelajar sekolah yang ingin mempelajari agama dan mengubah hidup mereka.
- **Membuang sikap mementingkan diri** dan sanggup menyumbangkan duit sebanyak RM1,700 kepada pihak Yayasan Ikhlas sebagai usaha untuk terus membantu komuniti orang asli.
- **Membangkitkan semangat aktivisme** di dalam diri masing-masing apabila melihat jurang sosioekonomi rakyat di Malaysia.

Impak Jangka Panjang

- Pihak SMAOA Nurul Hidayah menerima para sukarelawan dengan berbesar hati kerana memberikan pendedahan akademik kepada para pelajar malah **menjemput pihak ISMA UK-EIRE untuk menjalankan lagi program** bersama pihak sekolah.
- Komuniti Orang Asli Kampung Kuala Mu menyuarakan jemputan mereka untuk pihak Yayasan Ikhlas dan ISMA UK-EIRE **menjalankan program SOAR yang seterusnya.**

Laporan Kewangan

Jadual A: Kos Sukarelawan (Dibiayai Sendiri)

	Bil	Perkara	Jumlah (RM)
Dr	1	Penginapan sukarelawan (Sungai Siput)	537.48
	2	Makanan peserta	1,440.00
	3	Penginapan sukarelawan (Kuala Mu, D'Kenang)	1,500.00
		JUMLAH (A)	3,477.48

Jadual B: Dana Fundraising (Untuk Komuniti Orang Asli)

	Bil	Perkara	Jumlah (RM)
Dr	1	Banner program	33.79
	2	Barangan sukaneka	82.98
	3	Cenderahati program (hamper untuk pengetua sekolah dan ketua kampung)	134.40
	4	Peralatan gotong-royong	204.58
	5	Bantuan alat tulis dan aktiviti mewarna	243.18
	6	Honorarium sukarelawan Orang Asli (5 orang)	250.00
	7	Bantuan makanan Kampung D'Kenang (10 keluarga)	320.00
	8	Jamuan makan BBQ (bahan makanan)	452.90

	Bil	Perkara	Jumlah (RM)
Dr	9	Penutup sukaneka (roti, air mineral, bekas makanan)	524.40
	10	Sumbangan kepada Yayasan Ikhlas	1,736.00
	11	Bantuan makanan Kampung Kuala Mu (90 keluarga)	2,880.00
		JUMLAH (B)	6,862.23


JUMLAH KESELURUHAN (A+B)	RM 10,339.71

- **Jumlah di atas adalah berdasarkan perbelanjaan yang dirancang.**
- **Tidak termasuk kos aktiviti menyumpit dan menganyam (RM 220.00) yang ditanggung secara peribadi okeh sukarelawan.**

Kalam Pengarah

Bismillahirrahmanirrahim Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat-Nya, Projek SOAR (Supporting Orang Asli's Rising) 3.0 berjaya dilaksanakan setelah melalui pelbagai peringkat perancangan. Sebagai Pengarah Projek SOAR 3.0, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kepercayaan dan kerjasama dalam menjayakan projek ini. Terima kasih khususnya kepada pihak ISMA UK-Eire, Yayasan Ikhlas Ipoh, barisan jawatankuasa, dan para sukarelawan yang telah mencurahkan masa, tenaga dan buah fikiran sejak awal perancangan sehingga tamat program.

Projek SOAR 3.0 membawa matlamat untuk memberikan pendedahan dan membuka ruang kepada pelajar Orang Asli mengenai peluang pendidikan, khususnya laluan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kami percaya bahawa latar belakang dan kekurangan akses kepada sumber tidak seharusnya menjadi penghalang kepada seseorang pelajar untuk mempunyai cita-cita yang besar. Sepanjang projek ini, kami bukan sahaja hadir untuk berkongsi ilmu dan pengalaman, malah turut belajar daripada masyarakat yang kami santuni. Ia turut mengajar kami bahawa kesukarelawanan bukan sekadar tentang memberi, tetapi juga tentang mendengar, memahami dan menghormati.



Akhir kata, saya berharap segala usaha yang dicurahkan menjadi amal kebajikan dan titik permulaan kepada lebih banyak usaha yang memberi manfaat kepada masyarakat pada masa hadapan.

Fahim Hafizin bin Baderul Hisam
Pengarah Projek SOAR 3.0


PROJEK
SOAR 3.0